



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Malaysia paling gembira di Asia

Tatkala isu kenaikan kos sara hidup mula membelenggu rakyat kita, ada laporan baru-baru ini menunjukkan bahawa rakyat kita paling gembira di Asia.

Menurut kaji selidik agensi penyelidikan IPSOS Asia Pasific, syarikat global dalam bidang kajian pengiklanan, pemasaran, media dan perhubungan awam, rakyat Malaysia disenaraikan paling gembira di rantau Asia, berbanding penduduk Hong Kong, China, Singapura dan Korea Selatan.

Kaji selidik yang dilakukan terhadap 466 responden terdiri pelbagai kaum di lima negara terbabit yang berusia antara 18 hingga 50 tahun menyenaraikan tiga faktor utama sebagai penyumbang kepada tahap kegembiraan terbabit.

Tiga faktor kegembiraan itu ialah keintiman hubungan bersama pasangan (53 peratus), hubungan bersama ibu bapa (46 peratus) serta kebahagiaan mempunyai kesihatan ahli keluarga dan rakan yang baik (41 peratus).

Dalam hal ini, menurut Pengerah Eksekutif IPSOS Katharine Davis, ikatan kekeluargaan penting dalam menentukan kebahagiaan rakyat Malaysia, sekali gus mencerminkan budaya mereka yang sering mengutamakan hubungan sesama ahli keluarga.

Beliau merumuskan bahawa, kegembiraan rakyat Malaysia berkait rapat dengan hubungan kekeluargaan yang erat, sekali gus merangsang kepada kesihatan yang baik.

Ironinya hasil kaji selidik ini membuka satu lagi dimensi baru dalam kerangka kehidupan sosial rakyat kita. Jika mutakhir ini isu keselamatan, tahap perpaduan kaum serta kerisauan kenaikan harga barangan yang menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup dilihat sebagai indikator penting tahap kebahagiaan, kegembiraan mahupun kesejahteraan rakyat, laporan ini membawa kita kepada satu lagi aspek yang mungkin kita terlepas pandang selama ini.

Ternyata rakyat kita memilih ikatan kekeluargaan melangkaui segala faktor lain sebagai faktor utama yang menyumbang kepada kegembiraan dalam kehidupan mereka.

Justeru, inisiatif dan usaha untuk memantapkan sistem sosial

Info

Faktor kegembiraan

- Keintiman hubungan bersama pasangan (53 peratus)
- Hubungan bersama ibu bapa (46 peratus)
- Kebahagiaan mempunyai kesihatan ahli keluarga dan rakan yang baik (41 peratus)

dan institusi kekeluargaan perlu dilipat-gandakan. Misalnya kadar perceraian dalam kalangan pasangan Islam di negara kita yang dilaporkan semakin meningkat setiap tahun.

Andai kita mahu institusi keluarga memainkan peranan penting sebagai sistem sokongan sosial yang ampuh maka pihak kerajaan merangkumi jabatan agama dan agensi berkaitan perlu memikirkan strategi dan pendekatan lebih efektif dan proaktif untuk mengurangkan kadar perceraian terbabit.

Terap konsep amanah

Elemen pencegahan dan kesedaran perlu diutamakan dalam hal ini. Pasangan muda dan yang baru berkahwin misalnya perlu diterapkan dengan konsep amanah, kasih sayang dan tanggungjawab supaya mereka tidak mudah terjebak ke dunia perceraian dengan mudah walaupun baru mendirikan rumah tangga apatah lagi dengan alasan yang sangat remeh dan mengecewakan.

Satu lagi faktor yang digariskan sebagai indikator kegembiraan ialah hubungan bersama ibu bapa. Pada hari ini kita masih didedahkan dengan beberapa laporan berkaitan tingkah laku anak zaman sekarang yang mudah derhaka dan tidak lagi mempedulikan ibu bapa.

Jika keadaan ini dibiarkan berterusan pastinya hubungan ibu bapa dengan anak semakin renggang dan akan mula menghancurkan institusi kekeluargaan yang dibina sekian lama.

Anak dan ibu bapa muda terutamanya perlu diberi bimbingan dan pendedahan sewajarnya agar dapat mengelak dan mengurangkan kejadian seum-

pama ini. Budaya menghormati orang tua perlu disuburkan kembali. Kita tidak mahu generasi akan datang tidak mengenang jasa ibu dan bapa, malah lebih teruk apabila ada yang sanggup mendera mahupun mencederakan ibu bapa atas pelbagai alasan.

Aspek kesihatan juga dilihat menjadi faktor penting yang menyumbang kepada kegembiraan rakyat kita apabila kesihatan ahli keluarga dan rakan yang baik dilihat turut signifikan.

Sekali lagi beberapa laporan yang didedahkan baru-baru ini menunjukkan peningkatan kadar pesakit obesiti dan diabetes dalam kalangan rakyat kita, termasuk dalam kalangan kanak-kanak sekolah yang terus meningkat dan membimbangkan.

Maka andai dibiarkan keadaan ini berterusan pastinya bakal menjejaskan tahap kegembiraan rakyat kita untuk jangka masa yang panjang. Budaya dan gaya hidup sihat perlu diterapkan dalam sistem kemasyarakatan kita supaya pemakanan yang sihat dan seimbang serta senaman secara berkala menjadi satu budaya hidup yang rutin dan berterusan.

Ringkasnya tahap kegembiraan rakyat kita dipengaruhi gabungan beberapa faktor penting merangkumi aspek sosial dan ekonomi. Keadaan ini juga menjelaskan isu ekonomi bukanlah satu-satunya faktor menyumbang kepada kegembiraan rakyat kita.

Pada dasarnya faktor sosial membabitkan hubungan kekeluargaan dilihat faktor utama yang wajar diberi perhatian khusus oleh semua pihak. Andai sistem sosial dan institusi kekeluargaan kita kuat maka kebarangkalian peningkatan tahap kegembiraan, kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat kita secara keseluruhannya cukup cerah dan baik.

Semoga laporan ini menjadi kayu ukur yang penting dalam kita merangka dan melaksanakan program transformasi negara supaya setiap satu program dan inisiatif yang bakal dilaksanakan mengambil kira faktor perlunya ada penekanan terhadap aspek hubungan kekeluargaan.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM